

“Memanggil Yesus dalam Keperluan Mendesak Kita!”

## Minggu 3 – Doa 100 Hari

**10 – 16 April, 2020**

### “Suatu Mukjizat yang Tidak Dijangka”

Oleh James L. Black, Sr.

“Pernahkah anda melihat sesuatu seperti ini?” Ini menjadi satu pertanyaan lazim apabila orang-orang menyaksikan sesuatu yang mereka tidak pernah lihat sebelum ini. Tidak diragui lagi nama “COVID-19” akan terus diingati dalam sejarah sebagai salah satu pandemik terbesar dunia.

Ianya amat menakjubkan bagaimana cepatnya kehidupan dapat berubah dalam satu malam. Firman Allah mengingatkan kita bahawa bencana dan malapetaka akan datang dan kita seharusnya sentiasa bersedia dan bergantung kepada Tuhan. Krisis dunia ini telah merobek teras ekonomi; menekan sistem-sistem perubatan; membuatkan ramai orang dalam kemiskinan yang lebih besar; membuatkan ramai orang kehilangan rumah dan pekerjaan; meninggalkan ramai orang dengan penyakit-penyakit kekal; dan ya, ia telah menggugat nyawa puluhan ribu jiwa.

Ramai orang berdoa bagi suatu keajaiban. Ramai orang memohon dengan Tuhan untuk mengubah situasi mereka dan melindungi mereka daripada virus yang membawa kematian itu. Namun, persoalannya ialah adakah kita bersedia bagi mukjizat-mukjizat sedemikian rupa yang Tuhan lakukan?

Saya tidak mempunyai keraguan yang Tuhan akan mendengar dan datang kepada semua orang yang berdoa kepadaNya. Sementara Dia hadir dalam pelbagai cara dan dalam waktuNya sendiri, janji-janji ini memberikan saya pengharapan. *“Seorangpun tidak akan dapat bertahan menghadapi engkau seumur hidupmu; seperti Aku menyertai Musa, demikianlah Aku akan menyertai engkau; Aku tidak akan membiarkan engkau dan tidak akan meninggalkan engkau” (Yosua 1:5) dan “...sebelum mereka memanggil, Aku sudah menjawabnya; ketika mereka sedang berbicara, Aku sudah mendengarkannya” (Yesaya 65:24).*

Beberapa tahun lalu, saya menghidap satu penyakit sumsum tulang yang dipanggil Myelodysplastic Syndrome (MDS) iaitu satu keadaan kekurangan sel-sel darah merah tubuh. Jika tidak dirawat, MDS akan menyebabkan leukemia kritikal atau kematian. Saya berada pada tahap 4 penyakit itu dan satu-satunya harapan saya ialah satu pemindahan sumsum tulang (sel stem) yang berjaya. Ribuan orang di seluruh dunia berdoa bagi kelangsungan hidup dan kesembuhan saya dalam satu waktu ketika saya begitu lemah untuk berdoa dengan tulus ikhlas untuk diri saya sendiri. Ya, saya boleh bersaksi bahawa Tuhan datang demi saya tetapi bukan seperti yang dijangkakan kerana mukjizat-mukjizat Tuhan adalah tentang kehidupan kekal.

Tiga perkara terjadi yang menyatakan Tuhan kepada saya dalam cara yang saya tidak pernah alami sebelum ini. Pertama, oleh kerana keadaan-keadaan di luar kawalan saya, proses pemindahan sumsum tulang saya tertunda selama sembilan bulan walaupun saya berada di tahap 4 penyakit itu. Penundaan ini menyediakan peluang bagi rawatan-rawatan semulajadi agresif yang menyeluruh yang menguatkan tubuh saya dan menyediakan saya dengan lebih baik untuk pemindahan itu. Kedua, saya dan anak perempuan saya (penderma sumsum tulang saya) dapat menjadi rapat sebelum pemindahan tersebut yang membawa kepada satu waktu pengampunan yang luar biasa. Yang ketiga ialah apa yang ia lakukan untuk saya dan isteri saya. Untuk pertama kalinya dalam perkahwinan kami, saya terlantar di hospital dengan satu penyakit yang membahayakan kehidupan, dalam pengasingan dan dengan keletihan yang kronik. Saya begitu lemah untuk mandi, jadi pada tiga atau empat waktu isteri saya Maxine harus memandikan saya. Pada mulanya saya marah tetapi ketika saya melihat kelemahan dan komitmen penuhnya sementara dia memandikan saya dari kepala hingga ke hujung jari kaki, saya menyedari bahawa Allah sedang menyediakan saya bagi suatu mukjizat penyembuhan yang istimewa.

Mukjizat istimewa saya didapati di dalam perkataan Yesus ini: "Ketika Yesus melihat iman mereka, berkatalah Ia kepada orang lumpuh itu: "Hai anak-Ku, dosamu sudah diampuni!" Ya, mukjizat pada waktu terbesar yang saya sangat memerlukan adalah Tuhan menyembuhkan saya sebelum pemindahan itu. Dengan limpah kurnia Allah, saya keluar daripada hospital menjadi satu makhluk yang baru dalam Yesus dan disembuhkan daripada satu penyakit rohani dan jasmani.

Hari ini, saya mendorong anda untuk mengalihkan pandangan anda daripada COVID-19 dan apa saja yang lain yang boleh mengganggu perhatian anda dan seperti empat sahabat yang membawa orang lumpuh itu kepada Yesus yang membuka atap, datang ke hadapan Yesus dan biarkan Dia menyembuhkan jiwamu.

***"Maka sebelum mereka memanggil, Aku sudah menjawabnya; ketika mereka sedang berbicara, Aku sudah mendengarkannya" (Yesaya 65:24).***

*Pastor James L. Black, Sr. baru-baru ini telah melayani 17 tahun di Divisi Amerika Utara sebagai pengarah pelayanan belia/dewasa muda. Dia sekarang merupakan pengarah bagi Pelayanan Doa Divisi Amerika Utara.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN DALAM HATI:** Sementara kita mengetahui bahawa ianya adalah kehendak Allah untuk menyembuhkan anak-anakNya, kita tidak selalunya mengetahui kehendakNya berkenaan pemilihan waktu. Sebahagian Dia boleh memilih untuk menyembuhkan dengan segera, yang lain perlahan-lahan, sementara yang lain pula Dia mungkin tidak sembuh sehingga Kedatangan Kedua (Yakobus 5). Bolehkah kita mempercayai Allah dan waktuNya? Dapatkah kita berpegang teguh pada iman walaupun kita tidak selalu melihat jawapan-jawapan segera kepada doa-doa kita? Bagaimanakah kita dapat menumbuhkan iman dan keyakinan kita di dalam Tuhan dan FirmanNya?

**CABARAN AKTIF HATI:** Minggu ini, sementara kita terus berdoa bagi yang sakit, bagi profesional perubatan dan bagi Allah untuk menghentikan penyebaran Coronavirus di seluruh dunia, mari kita berdoa agar suatu kasih kepada Tuhan dan FirmanNya akan

tersebar. Marilah kita membuka Alkitab kita dengan satu semangat besar yang baru dan berdoa, "Tuhan, tunjukkan kami bagaimana untuk mengenal Engkau dan mengasihiMu! Tunjukkan kami bagaimana untuk mengalami kesembuhan sejati dari dalaman ke luar. Tunjukkan kami apa maksudnya mempelajari dan memahami FirmanMu. Dan tunjukkan kami bagaimana untuk mengongsikan FirmanMu dengan orang lain." Sementara kita berdoa, mari kita tuntut Yes. 55:8-11, 2 Tim. 2:15 and 1 Ptr. 3:15.

*"Dengan apakah seorang muda mempertahankan kelakuannya bersih? Dengan menjaganya sesuai dengan firman-Mu. Dengan segenap hatiku aku mencari Engkau, janganlah biarkan aku menyimpang dari perintah-perintah-Mu. Dalam hatiku aku menyimpan janji-Mu, supaya aku jangan berdosa terhadap Engkau." Mzm. 119:9-11*

**Pergi Lebih Dalam – Cadangan Bacaan Tambahan untuk minggu ini:**

- Ellen White, *The Great Controversy, "Scriptures as a Safeguard,"* bab 37
- Frank M. Hasel/Michael G. Hasel, *How to Interpret Scripture*, Companion book to Adult Sabbath School Study Guide bagi Suku Tahun ke-2



## **Hari 15 – Tumpuan Doa – Jumaat, 10 April 2020**

**LAPORAN PUJIAN!** Kelihatannya penyebaran pandemik itu sedang mulai perlahan sedikit di Sepanyol dan Itali. Kita memuji Tuhan bahawa terdapat harapan untuk pembaikan.

- Doakan agar Allah akan menghentikan perebakan COVID19 di negara-negara dunia dengan kepadatan populasi yang tinggi. Berdoa khususnya bagi campur tangan Tuhan di India, Bangladesh, benua Afrika dan beberapa negara di seluruh Asia yang baru bermula bertarung dengan sepenuh kuasa terhadap COVID-19.
- Berdoa bagi pengkaji-pengkaji perubatan untuk mencari rawatan yang menghilangkan Coronavirus sementara kita tidak mempunyai masa berbulan-bulan untuk menunggu perkembangan satu vaksin.
- Doakan bagi perlindungan Tuhan untuk kanak-kanak, untuk yang lemah dan yang mudah disakiti yang terpaksa tinggal serumah dengan ahli-ahli keluarga yang mendera dan kejam atau yang tinggal di panti-panti asuhan yang sukar.
- Berdoa bagi kecukupan makanan dan hidangan untuk anak-anak yang tidak lagi datang ke sekolah di mana makanan biasanya disediakan.
- Doakan agar kita akan belajar untuk mempelajari Firman Allah secara lebih mendalam dan juga mengongsikan Firman Allah dengan cara yang praktikal kepada mereka di sekeliling kita.



## Hari 16 - Tumpuan Doa - Sabat, 11 April 2020

### Ajarlah kami Berdoa!

“Berserulah kepada-Ku, maka Aku akan menjawab engkau dan akan memberitahukan kepadamu hal-hal yang besar dan yang tidak terpahami, yakni hal-hal yang tidak kauketahui.” Yer. 33:3

“Kita telah tiba kepada waktu yang serius. Peristiwa-peristiwa di dalam dunia kita memanggil semua pengikut Kristus untuk sepenuhnya tekun dalam hubungan kita dengan Allah. Untuk meneguhkan hubungan ini dan memenuhi keperluan emosi dan rohani kita, kita mesti mempelajari kuasa doa. Kita mesti memohon dengan Tuhan seperti para murid pada waktu dahulu berkata, ‘Tuhan, ajarlah kami berdoa.’ ”

*Prayer, p. 1*

#### **Persoalan Hati:**

Kita mungkin menjadi sebahagian daripada Doa 100 Hari dan kita mungkin berdoa dengan kelompok-kelompok kecil doa kita tetapi adakah kita benar-benar telah mempelajari apa maknanya berdoa? Adakah kita pernah dengan sungguh-sungguh berseru seperti para murid itu berseru kepada Yesus, “Tuhan, ajarlah kami berdoa?” Sekiranya anda belum melakukan ini, mengapa tidak anda meminta Tuhan hari ini, “Tolong ajar saya berdoa!”

**LAPORAN PUJIAN:** Walaupun Indianapolis terpaksa membatalkan kumpulan-kumpulan umum besar yang dirancang pra-persidangan GC, namun sekarang John Bradshaw sedang merancang untuk melakukan satu siri kumpulan atas talian (online) yang kita percaya akan mempunyai jangkauan yang lebih besar. Kita menjangkakan puluhan ribu orang untuk hadir. Sekali lagi, apa yang musuh itu maksudkan untuk kejahatan, Allah akan mengubahkannya untuk kebaikan.

- Berdoa agar kita sebagai gereja akan meminta Allah untuk mengutus Roh Kudus dan mengajar kita bagaimana berdoa dengan suatu cara supaya kita akan menerima jawapan-jawapan.
- Doakan siri kumpulan online yang John Bradshaw dan *It is Written* sedang rancangkan. Berdoa agar ramai orang akan mendengar dan supaya ramai yang akan mengambil keputusan demi Yesus.
- Berdoa bagi para profesional perubatan dan hospital-hospital di kawasan anda yang sedang bergelut dengan kekurangan bekalan perubatan. Doakan agar Tuhan akan menyediakan apa yang diperlukan supaya para profesional kesihatan kita dapat kekal selamat.
- Doakan agar ramai orang dapat membantu membuat pelindung muka dan peralatan perlindungan yang lain dan supaya katil, ventilator dan kemudahan-kemudahan kesihatan yang diperlukan akan dapat dibuka untuk menampung gelombang besar dalam keperluan perhatian perubatan.

- Berdoa bagi pelayanan kepada orang-orang Cina di Kota Cebu di Filipina. Doakan bagi perlindungan daripada Coronavirus untuk gereja di sana dan supaya lebih banyak orang Cina akan mempunyai minat yang aktif dalam mempelajari tulisan-tulisan Alkitab.



## **Hari 17 - Tumpuan Doa - Ahad, 12 April 2020**

### **Kemenangan-Kemenangan Terbesar**

“Berserulah kepada-Ku pada waktu kesesakan, Aku akan meluputkan engkau, dan engkau akan memuliakan Aku.”

Mzm. 50:15

“Kemenangan-kemenangan terbesar diperolehi demi Allah bukan hasil daripada hujah yang dikerjakan, kemudahan yang mencukupi, pengaruh luas atau banyaknya cara; ianya diperolehi di ruangan khalayak bersama Tuhan ketika dengan iman yang tekun dan menderita manusia bertahan pada lengan berkuasa yang kuat.” *Gospel Workers*, ms. 259

#### **Persoalan Hati:**

Oleh kerana kita mengetahui bahawa kita memperoleh kemenangan-kemenangan terbesar melalui doa dan waktu dengan Firman Allah, mengapakah kita begitu ragu-ragu untuk mengambil waktu untuk berdoa dan belajar Alkitab? Apakah kegiatan atau gangguan yang menghalang persekutuan peribadi anda dengan Tuhan?

**LAPORAN PUJIAN:** Di bandar Queensland dalam Toowoomba (populasi sebanyak 130,000), terdapat dua gereja iaitu Toowoomba Central and Glenvale. Pastor Casey Wolverton adalah pastor di Gereja Glenvale. Ketika virus COVID19 melanda dan gereja-gereja ditutup, pada Sabat pertama, mereka melaksanakan kebaktian ibadah seperti biasa tetapi tanpa seorang pun di bangku gereja dan menyiarkannya di Facebook atau Youtube dan 900 orang menonton kebaktian itu. Stesen radio tempatan mendengar apa yang orang-orang Adventist sedang lakukan, jadi stesen radio itu mendekati Gereja Adventist untuk bertanya jika mereka boleh merakam kebaktian Adventist dan menyiarkannya pada hari berikutnya (Ahad) kepada para pendengar seramai 130,000 orang. Tanpa krisis COVID19, ianya tidak memungkinkan hal ini akan terjadi. Puji Tuhan!

- Doakan agar mesej-mesej pengharapan yang istimewa dapat terus disiarkan ke seluruh kota Toowoomba di Queensland, Australia. Berdoa bagi para anggota gereja di seluruh Australia supaya mereka dapat menemui cara-cara untuk terus menjadi suatu terang kepada mereka di sekeliling mereka.
- Berdoa bagi ramai Penginjil Literatur kita di seluruh dunia yang tidak lagi dapat pergi dari pintu ke pintu. Doakan supaya Tuhan membuka cara dan jalan baru

untuk para pengerja yang berdedikasi ini untuk mengongsikan kebenaran itu. Dan berdoa agar Tuhan akan menyediakan keperluan-keperluan mereka.

- Doakan bagi hospital-hospital merentasi Amerika Syarikat yang sedang menjangkakan untuk mempunyai minggu mereka yang paling sukar yang akan tiba dalam menghadapi wabak penyakit COVID-19. Berdoa agar Allah campur tangan.
- Berdoa bagi warga emas, mereka yang lemah sistem daya melawan penyakit dan para anggota gereja berisiko tinggi di gereja setempat anda. Doakan agar tangan Tuhan yang melindungi akan berserta mereka.
- Doakan bagi mereka yang telah kehilangan orang-orang yang dikasihi disebabkan oleh jangkitan Coronavirus ini. Berdoa bagi ketabahan dan kekuatan untuk mereka yang mengalami kehilangan untuk berpegang teguh kepada Tuhan.



## **Hari 18 – Tumpuan Doa - Isnin, 13 April 2020**

### **Memandang Lebih Daripada yang Kelihatan**

“Kata Yesus kepadanya: ‘(Tomas), karena engkau telah melihat Aku, maka engkau percaya. Berbahagialah mereka yang tidak melihat, namun percaya.’” Yohanes 20:29

“Selalu kehidupan Kristian ditimpa dengan bahaya-bahaya dan tugas kelihatannya sukar untuk dilaksanakan. Gambar-gambar imaginasi keruntuhan yang akan datang di hadapan dan perhambaan serta kematian di belakang. Namun, suara Allah berbicara dengan jelas, Maju ke depan. Mari kita menuruti perintah itu walaupun pandangan kita tidak dapat menembusi kegelapan. Halangan-halangan yang menghalang kemaraan kita tidak akan pernah hilang di hadapan roh dan semangat yang tertahan-tahan dan ragu-ragu. Mereka yang menanggung-nanggung penurutan hingga semua ketidakpastian hilang dan tidak ada risiko kegagalan atau kekalahan tinggal, tidak akan pernah menuruti. Iman memandang lebih daripada kesusahan-kesusahan, bertahan pada yang tidak kelihatan malah Maha Berkuasa, oleh itu ia tidak menjadi kebingungan. Iman ialah genggam tangan Kristus pada semua kecemasan.” *Gospel Workers*, ms. 262

#### **Persoalan Hati:**

Ianya mudah untuk mempercayai apa yang kita lihat tetapi bagaimanakah pula halnya tentang perkara-perkara yang kita tidak dapat lihat? Apakah cara dan jalan kita menumbuhkan iman kita dalam Firman Allah walaupun kita belum pernah melihat penggenapannya? Kita diberitahu Iman adalah suatu pemberian. Berdasarkan Efesus 2:8 dan Kisah Para Rasul 3:16, di manakah kita mendapat hadiah yang ajaib ini?

**LAPORAN PUJIAN:** Di Papua New Guinea para penginjil, pendeta dan pengkhotbah sukarela dari luar tidak lagi dapat bergerak masuk ke dalam negara itu disebabkan larangan perjalanan COVID-19 di mana sebelum ini dijadualkan acara Penglibatan Penuh Anggota yang sepatutnya dilaksanakan Mei ini. Namun begitu, para penduduk tempatan di

Papua New Guinea telah dikumpulkan tahun lalu dengan mengadakan puluhan ribu pembelajaran Alkitab dan memulakan ribuan kumpulan-kumpulan umum setempat yang dilaksanakan oleh para sukarelawan dan pastor. Dan mereka telah membuat rancangan untuk satu lagi usaha penginjilan besar yang menyusul selepas pandemik COVID-19 semasa ini sudah berlalu nanti. Sekali lagi, apa yang musuh itu maksudkan untuk kejahatan, Allah sedang mengubahkannya untuk kebaikan yang lebih besar lagi.

- Berdoa bagi perlindungan Tuhan ke atas rakyat dan negara Papua New Guinea (PNG) serta untuk pimpinan Allah juga dalam membuat keputusan bagi Kerajaan PNG dan para profesional kesihatannya sementara mereka bertarung dengan COVID-19.
- Doakan agar apa yang Tuhan lakukan di Papua New Guinea melalui para anggota gereja setempat akan lebih membuahkan hasil kejayaan berbanding rancangan-rancangan asal yang mereka buat. Berdoa agar tiada perbalahan kaum sementara rancangan-rancangan dibuat untuk bergerak maju ke hadapan.
- Berdoa bagi orang-orang percaya yang dipenjarakan di pelbagai penjara di seluruh dunia. Doakan bagi kekuatan untuk bersaksi kepada rakan-rakan sepenjara semasa krisis ini.
- Doakan bagi kedai roti kecil dan pusat misi di Jönköping, Sweden untuk menjangkau lebih ramai orang supaya ramai akan datang mengenali Yesus dan menerimanya sebagai Juruselamat mereka. Berdoa untuk lebih banyak hubungan belajar Alkitab dan pertaubatan.
- Berdoa juga bagi gereja-gereja setempat di seluruh Sweden yang kecil dan terdiri daripada hampir kesemuanya warga emas. Doakan agar Allah akan membawa masuk lebih banyak orang muda ke dalam gereja-gereja di Scandinavia dan supaya Dia akan melindungi kongregasi-kongregasi kecil ini semasa pandemik COVID-19 ini.



## **Hari 19 – Tumpuan Doa - Selasa, 14 April 2020**

### **Pandang pada Yesus!**

“TUHAN, pada waktu pagi Engkau mendengar seruanaku, pada waktu pagi aku mengatur persembahan bagi-Mu, dan aku menunggu-nunggu (memandang ke atas).” Mzm. 5:3 (4)

“Perintahkan segenap kekuatanmu untuk memandang ke atas dan bukan ke bawah pada kesusahan-kesusahan anda; maka anda tidak akan pernah jatuh lemah dengan sedemikian rupa. Anda akan segera melihat Yesus di sebalik awan, menjangkau tanganNya untuk menolong anda; dan apa yang perlu anda lakukan ialah menyerahkan tangan anda kepada Dia dengan iman yang sederhana dan biarkan Dia memimpin anda. Sementara anda

menjadi penuh percaya, anda akan menjadi penuh harapan melalui iman dalam Yesus. Terang yang bersinar daripada salib Kalvari akan menyatakan kepada anda penaksiran Allah terhadap jiwa dan sementara mengerti penaksiran itu, anda akan berusaha memantulkan terang itu kepada dunia. Satu nama besar di antara manusia adalah seperti huruf-huruf yang dikesan di pasir tetapi perwatakan yang tidak bernoda akan bertahan hingga kekekalan.”

*Testimonies*, jilid 5, ms. 578

### **Persoalan Hati:**

Apakah perkara pertama yang anda lakukan setiap pagi? Adakah anda melihat berita, e-mail atau media sosial? Adakah anda bermula dengan memikirkan tentang semua masalah anda? Atau adakah anda memandang ke atas kepada Yesus? Sementara anda melalui hari ini, buat satu komitmen baru untuk memandang kepada Yesus gantinya memandang ke bawah pada percobaan-percobaan anda. Pandang kepada Yesus demi pengharapan gantinya mengalihkan perhatian kepada dunia sekular demi dorongan.

**LAPORAN PUJIAN:** Sejak tiga puluh hari kebelakangan ini, lebih satu ratus ribu sumber telah dimuat turun daripada [www.revivalandreform.org](http://www.revivalandreform.org). Kita memuji Tuhan kerana ramai orang sedang menyedari keperluan rohani mereka dan berusaha untuk bertumbuh dalam perjalanan mereka dengan Allah. Kita juga memuji Tuhan kerana ribuan kelompok doa sedang bermula di seluruh dunia hasil daripada krisis COVID-19 ini.

- Doakan bagi para anggota gereja di seluruh Jerman, Perancis, Sepanyol, Itali dan Belgium. Kawasan-kawasan panas ini masih sedang bergelut untuk mengurangi virus itu. Berdoa bagi pemulihan untuk mereka yang mengalami kehilangan.
- Berdoa bagi para anggota-anggota gereja di seluruh Timur Tengah khususnya di Iran dan Israel. Doakan bagi mereka yang sedang tinggal bersempit-sempit di ruang-ruang kecil dengan sedikit udara segar dan tiada kemampuan untuk bersenam.
- Doakan jiran-jiran anda yang mungkin belum mengenal Yesus. Berdoa untuk cara dan jalan untuk mengongsikan pengharapan Yesus kepada mereka, mungkin melalui penginjilan “telefon bimbit” atau sumber-sumber atas talian lain yang berguna.
- Berdoa bagi mereka di gereja atau komuniti anda sendiri yang sedang melawan COVID-19 sekarang ini. Doakan untuk tangan kesembuhan Allah berada ke atas mereka.
- Doakan agar kita semua menjadi penatalayan-penatalayan yang setia dan mengembalikan persepuluhan kita. Walaupun dalam masa kesukaran ini, Alkitab memberitahu kita bahawa mereka yang menghormati Allah akan Dia hormati (1 Sam. 2:30).



## Hari 20 - Tumpuan Doa - Rabu, 15 April 2020

### **Allah adalah Setia!**

“Pencobaan-pencobaan yang kamu alami ialah pencobaan-pencobaan biasa, yang tidak melebihi kekuatan manusia. Sebab Allah setia dan karena itu Ia tidak akan membiarkan kamu dicobai melampaui kekuatanmu. Pada waktu kamu dicobai Ia akan memberikan kepadamu jalan ke luar, sehingga kamu dapat menanggungnya.” 1 Kor. 10:13

“Musuh itu tidak berani pergi ke jalan sempit seseorang yang melangkaui kawasannya yang ditetapkan. Tiada kuasa pada kekuatan setan dan kejahatan yang dapat melumpuhkan jiwa yang percaya dalam keyakinan yang sederhana dan dalam hikmat kebijaksanaan yang datang daripada Allah. Kristus adalah menara kekuatan kita dan Setan tidak dapat memiliki kuasa ke atas jiwa yang berjalan bersama Tuhan dengan kerendahan hati pada fikiran. Janji itu, “...mereka mencari perlindungan kepada-Ku dan mencari damai dengan Aku, ya mencari damai dengan Aku!” Dalam Kristus terdapat pertolongan yang sempurna dan lengkap bagi semua jiwa yang dicobai. Bahaya-bahaya menimpa setiap jalan tetapi seluruh alam semesta syurga sedang berdiri untuk berkawal supaya tiada yang boleh dicobai melebihi kemampuannya untuk menanggung.” *My Life Today*, ms. 316

#### **Persoalan Hati:**

Adakah anda merasakan yang anda sedang berhadapan lebih daripada yang anda dapat tanggung? Tuhan berjanji Dia tidak akan memberikan kita lebih daripada apa yang kita dapat tanggung, jadi jika anda merasa berat, tuntutlah janji dalam 1 Kor. 10:13. Tuntutlah janji dalam Flp. 4:13 dan Mzm. 61:2. Hiburkan diri anda hari ini dengan janji-janji Firman Allah.

**LAPORAN PUJIAN:** Di seluruh Eropah (dan barangkali banyak tempat di seluruh dunia), orang-orang muda yang tidak pernah datang ke gereja sedang mula aktif dengan kelompok-kelompok belajar Alkitab di atas talian. Kita memuji Tuhan bagi peningkatan minat ini di dalam Tuhan dan FirmanNya!

- Berdoa agar lebih banyak belia kita akan berminat belajar untuk mempelajari Alkitab mereka. Doakan agar akan terdapat satu kebangunan besar di kalangan belia kita.
- Doakan bagi belia kita di seluruh dunia yang sedang menyertai Doa 100 Hari mereka sendiri yang dipimpin oleh Jabatan Pelayanan Belia dan Jabatan Pelayanan Kanak-Kanak General Conference. Berdoa agar belia dan anak-anak muda kita akan mengetahui bahawa ketika mereka berdoa, Allah mendengar dan menjawab doa.
- Berdoa bagi para guru sementara mereka bergelut untuk mengajar kelas-kelas atas talian (online). Doakan agar Tuhan akan memberikan mereka hikmat kebijaksanaan bagaimana untuk memanfaatkannya dalam cara yang berguna bagi semua orang. Berdoa untuk hikmat kebijaksanaan dan kesabaran.

- Doakan bagi mereka yang susah hati, untuk mereka yang baru-baru ini kehilangan orang-orang yang dikasihi dan bagi mereka yang bergelut dengan pengasingan untuk merasakan Tuhan masih dekat.
- Berdoa bagi ketahanan para doktor, jururawat dan profesional kesihatan yang berada di barisan hadapan bertarung dengan pandemik COVID-19.



## **Hari 21 – Tumpuan Doa - Khamis, 16 April 2020**

### **Mari Kita Membicarakan Iman**

“Sekarang aku tahu, bahwa TUHAN memberi kemenangan kepada orang yang diurapi-Nya dan menjawabnya dari sorga-Nya yang kudus dengan kemenangan yang gilang-gemilang oleh tangan kanan-Nya. Orang ini memegahkan kereta dan orang itu memegahkan kuda, tetapi kita bermegah dalam nama TUHAN, Allah kita.” Mzm. 20:6-7 (7-8)

“Ambil perkataan Kristus sebagai jaminan anda. Belum lagikah Dia menjemput anda untuk datang kepadaNya? Jangan pernah mengizinkan diri anda berbicara dengan cara yang tidak berpengharapan dan putus asa. Jika anda melakukannya, anda akan banyak kehilangan. Dengan memandang pada penampilan dan rungutan apabila kesusahan dan tekanan datang, anda memberikan bukti iman yang sakit dan lemah. Berbicara dan bertindak seolah-olah iman anda kebal. Tuhan kaya dengan sumber-sumber; Dia memiliki dunia. Pandang ke arah syurga dalam iman. Pandang kepada Dia yang memiliki terang dan kuasa serta kecekapan.” *Christ Object Lessons*, ms. 146

#### **Persoalan Hati:**

Apakah maksudnya berbicara dan bertindak dengan iman? Jika iman kita lemah, bagaimanakah kita menumbuhkan iman yang lebih kuat? (Lihat Roma 10:17). Kongsi dengan seseorang hari ini tentang satu pengalaman di mana Allah menumbuhkan iman anda atau beritahu seseorang satu kesaksian tentang satu doa yang dijawab.

**LAPORAN PUJIAN:** Kita memuji Tuhan kerana mesej kesihatan yang Dia telah berikan kepada kita yang membolehkan kita menjadi lebih kuat untuk melawan kesakitan dan penyakit. Kita memuji Tuhan kerana banyak cara dan jalan yang memampukan kita untuk mengongsikan mesej kesihatan ini dengan orang lain.

- Doakan agar Allah akan terus membantu kita menjadi satu umat yang beriman kuat kerana kita mengetahui lebih banyak percobaan-percobaan sukar terbentang di hadapan.
- Berdoa bagi kecurahan Roh Kudus ke atas umat Tuhan supaya pekerjaan itu dapat diselesaikan dan kita dapat pulang ke RUMAH KEKAL.

- Doakan bagi hikmat kebijaksanaan untuk para pastor dan pentadbir sementara mereka berusaha untuk menghibur dan mendorong serta memimpin di tengah-tengah kekacauan.
- Berdoa agar kita sebagai satu umat akan melakukan yang terbaik kita untuk menghidupkan prinsip-prinsip kesihatan yang telah diajarkan kepada kita bahawa tubuh badan kita mampu memiliki sistem-sistem imunisasi yang kuat.
- Doakan agar kasih Allah akan memenuhi kita, menggerakkan kita dan menyegarkan hati kita kembali sehingga kita tidak dapat menampungnya lagi supaya kita dapat mengongsikannya dengan mereka yang tidak memiliki pengharapan.